

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : BERITA HARIAN  
TARIKH : 12 NOVEMBER 2015

# Kaji impak projek LRT3, BRT

**Oleh Norzamira Che Noh**  
bhnews@bh.com.my

► **Shah Alam**

**M**ajlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menjalankan kajian

enam bulan untuk melihat impak projek pembangunan sekitar bandar raya, terutama membabitkan projek pembinaan pengangkutan awam.

Kajian termasuk projek pengangkutan utama yang menghubungkan Bandar Utama ke Klang iaitu Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) dan projek Bus Rapid Transit (BRT) Kuala Lumpur-Klang yang dijangka dimulakan pada tahun 2017.

Justeru, satu bengkel pem-

angunan pusat bandar Shah Alam diadakan khusus bagi membincangkan mengenai projek berkenaan membabitkan pemilik tanah di kawasan pusat bandar, agensi teknikal, profesional, ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jabatan teknikal MBSA.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata bengkel itu akan mengenal pasti isu pembangunan di pusat bandar dengan mendapatkan maklum balas daripada peserta bengkel.

**Perhubungan lebih cepat**

"Cadangan pembinaan LRT3 dan BRT akan memberi kemudahan kepada penduduk bandar raya ini bergerak ke kawasan luar dengan lebih cepat.

"Projek ini akan meningkatkan lagi permintaan pembangunan di pusat bandar Shah Alam," katanya pada sidang media Bengkel Pembangunan Pusat Bandar Shah Alam, di sini, baru-baru ini.

Katanya, projek pembangunan utama yang mengambil masa itu menjadi cabaran besar kepada MBSA, terutama dalam memastikan kelancaran trafik

» **MBSA  
anjur bengkel  
bincang isu  
pembangunan  
di pusat  
bandar**



**SUARA  
KOMUNITI**

Suara Komuniti menepentengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kemaluan, keluarga atau inggis memuat sahli juga boleh diujukan ke e-mail [suarakomuniti@bh.com.my](mailto:suarakomuniti@bh.com.my)

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : BERITA HARIAN  
TARIKH : 12 NOVEMBER 2015



ke semua pusat tumpuan utama di bandar raya itu.

**Projek pembangunan lestari**

"MBSA berharap, melalui bengkel ini, kata sepakat dapat dicapai dan pendapat semua pihak akan diambil untuk memastikan pembangunan yang dibuat tidak menyusahkan penduduk setempat.

"Bagaimanapun, dalam melakukan pelbagai pembangunan, kita tetap mengambil kira prinsip pembangunan terkini seperti bandar rendah karbon dan bandar mesra komuniti," katanya.

Sementara itu, Ahmad Zaharin berkata, pembangunan pusat bandar Shah Alam dirancang di atas tapak seluas 148.21 hektar tanah komersial, institusi, kemudahan dan infrastruktur.

Bagaimanapun, sehingga Disember tahun lalu, hanya 36 peratus tanah komersial dibangunkan, manakala baki seluas 64 peratus belum dibangunkan dan masih pada peringkat perancangan.

**“  
Melalui bengkel ini, kata sepakat dapat dicapai dan pendapat semua pihak akan diambil untuk memastikan pembangunan yang dibuat tidak menyusahkan penduduk setempat”**

**Ahmad Zaharin  
Mohd Saad,  
Datuk Bandar  
Shah Alam**